

FIQH SEMASA: KONSEP DAN APLIKASINYA

Oleh:

Dr. Saadan Man

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

ABSTRAK

Perkembangan yang berlaku dalam persekitaran kehidupan manusia merupakan antara faktor timbulnya banyak permasalahan baru yang penyelesaiannya tidak disebutkan secara khusus di dalam al-Quran dan al-Sunnah dan memerlukan kebijaksanaan para fuqaha untuk berijtihad bagi mencari jawapan hukum. Artikel ini bertujuan untuk mengupas secara ringkas konsep dan aplikasi fiqh semasa (al-fiqh al-mu`asir/ al-waqi`i) dalam menjawab permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam hari ini. Kerangka fiqh semasa ini perlu diteliti dari aspek teori dan aplikasinya bagi memudahkan para pengkaji memahami tasawwur dan manfaatnya kepada umat Islam. Kajian berbentuk teoretikal ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam meneliti pandangan-pandangan ulama klasik dan kontemporari bagi merumuskan keperluan terhadap fiqh semasa dan praktisinya. Artikel ini merumuskan bahawa gagasan fiqh semasa yang dibawa oleh para sarjana kontemporari bertepatan dengan prinsip syariat Islam dan memenuhi keperluan semasa umat Islam di lokaliti masing-masing.

Kata kunci: fiqh, fiqh semasa, ijtihad, ijtihad semasa.

1. PENGENALAN

Islam merupakan agama dan cara hidup yang *syumul* atau menyeluruh, di mana semua aturannya telah ditentukan dalam segenap aspek kehidupan manusia yang mencakupi persoalan akidah, ibadah, akhlak, hinggalah kepada urusan kemasyarakatan dan kenegaraan yang merangkumi domain ekonomi, pendidikan, politik dan sosial. Sumber hukum dari al-Quran dan al-Sunnah merupakan pedoman yang terbaik kepada manusia di mana ia merupakan wahyu Allah SWT yang mengandungi penjelasan hukum bagi setiap persoalan dalam kehidupan seharian.

Pensyariatian hukum yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah terangkum dalam dua komponen iaitu *al-thawabit* (yang tetap dan kekal) dan *al-mutaghayyirat* (yang boleh berubah). *Al-Thawabit* adalah fundamental Islam yang merupakan rukun, asas dan prinsip agama yang tidak berubah hingga ke hari Kiamat, manakala *al-mutaghayyirat* adalah

cabang-cabang atau *furu`* hukum yang boleh berubah mengikut keadaan suasana dan zaman. Hukum yang boleh berubah adalah tertakluk kepada *waqi`* atau realiti semasa yang biasanya merujuk kepada nilai semasa budaya, adat atau *urf* serta keperluan sesebuah masyarakat di sesuatu lokaliti. Perubahan ini adalah bertujuan menjaga kemaslahatan hidup manusia sesuai dengan tujuan syariat diturunkan. Komponen *al-mutaghayyirat* ini terdiri dari hukum-hukum yang bersifat *ijtihadi* dalam pelbagai bidang fiqh dan ia boleh dikembangkan lagi oleh para fuqaha Islam. Dalam ungkapan lain, syariat Islam bersifat tetap pada perkara-perkara usul dan bersifat fleksibel (*murunah*) pada perkara-perkara *furu`* yang banyak melibatkan persoalan-persoalan semasa dalam mana-mana dimensi kehidupan manusia (al-Qaradawi, 1990: 240-247).

Dunia hari ini juga menyaksikan semakin bertambah maju teknologi, semakin banyak perkara baru yang timbul melibatkan permasalahan hukum yang tidak pernah timbul ketika zaman ulama silam dan tidak ditemui jawapan hukum terhadap permasalahan tersebut dalam khazanah karya-karya fuqaha silam. Kebanyakan permasalahan semasa yang bersifat cabang atau *furu`* tidak ditemui jawapan hukumnya secara terperinci di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kebiasaannya, majoriti permasalahan tersebut adalah termasuk dalam komponen *mutaghayyirat*. Namun demikian prinsip umum yang berupa fundamental atau *thawabit* telah sedia tergaris di dalam kedua-dua sumber ini dan sentiasa menjadi panduan dasar yang mengikat dalam menentukan hukum bagi perkara *furu`*.

Dalam sejarah perkembangan hukum Islam, seseorang pengkaji akan mendapati pelbagai hukum fiqh yang diijthad oleh seseorang tokoh berdasarkan faktor semasa zamannya. Ia terbukti dalam era Sahabat, Tabi'in dan para Tabi` al-Tabi'in, zaman selepasnya hinggalah era masa kini. Saidina `Umar b. al-Khattab umpamanya tidak mengenakan hukuman hudud ke atas pencuri kerana faktor ekonomi semasa, manakala Saidina `Uthman b. `Affan menambah azan pada hari Jumaat di pasar Madinah kerana faktor sosial. Sebahagian Tabi'in mengasaskan *madrasah al-ra'yi* berasaskan fiqh masyarakat kota di Baghdad. Imam-imam mujtahid pada sesuatu era atau tempat mempunyai ijtihad berbeza dengan apa yang diputuskan oleh mujtahid dan fuqaha selepasnya atau di tempat lain. Malah ada fuqaha dalam sesuatu mazhab yang tidak mengikut pandangan asal imam

mazhabnya sebagaimana Imam Abu Yusuf dan al-Syaibani yang banyak mengemukakan pandangan yang khilaf dengan Abu Hanifah walaupun mereka adalah murid setia kepada Abu Hanifah. Corak yang sama juga jelas dilihat dalam mazhab-mazhab lain. Ini berlaku kerana walaupun mereka merupakan pengikut setia imam mazhab, ijtihad mereka perlu diubah untuk disesuaikan dengan realiti masyarakat yang berubah. Imam al-Syafi'i sendiri mempunyai *qawl qadim* dan *qawl jadid* dalam fiqhnya yang berasaskan kepada perbezaan yang berlaku di Hijaz dan Mesir (al-Hajawi, 1995: 225-245). Kerana itulah para ulama usul merumuskan satu kaedah umum yang diterima pakai oleh semua (al-Nadawi, 1998: 353):

لا ينكر تغيير الأحكام بتغير الأزمان

Tidak diingkari perubahan hukum dengan berlakunya perubahan masa

Terdapat juga hukum yang diputuskan pada zaman silam yang tidak lagi praktikal untuk diaplikasi pada zaman sekarang. Ini kerana wujudnya faktor perubahan sosial yang sama sekali berbeza dengan zaman dahulu dan penafsiran terhadap sesuatu kes juga boleh berubah dengan perubahan realiti semasa. Oleh itu, Islam menyediakan penyelesaian kepada permasalahan tersebut dengan membuka ruang kepada para mujtahid untuk berijtihad bagi menjawab permasalahan hukum yang baru. Di atas premis pemikiran hukum inilah terbinanya konsep fiqh semasa yang biasa disebut dalam terminologi *al-fiqh al-mu`asir* atau fiqh realiti (*al-fiqh al-waqi`i*).

2. KONSEP FIQH SEMASA

Terminologi fiqh secara literalnya bermaksud memahami dan mengetahui secara terperinci tentang sesuatu, lazimnya dalam ilmu agama kerana agama adalah dasar dan tunjang bagi setiap ilmu (al-Nadawi, 1998: 48). Perkataan fiqh dapat dilihat di dalam beberapa ayat al-Quran, seperti mana dalam surah al-Taubah ayat 87 berikut:

رَضُوا بِأَن يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ وَطُبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ

Maksudnya: Mereka suka tinggal bersama-sama orang-orang yang ditinggalkan (kerana uzur), dan (dengan sebab itu) hati mereka dimeteraikan atasnya, sehingga mereka tidak dapat memahami sesuatu.

Imam al-Baydawi mendefinisikan fiqh sebagai ilmu berkenaan hukum-hukum syarak yang bersifat amali atau praktikal yang diambil dari dalil-dalil *tafsili* (bersifat *juz'i*) (al-Baydhawi, 1969: 22). Melalui dalil tersebut dijelaskan segala hukum yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf mengenai perkara yang diharuskan dan dilarang meliputi aspek halal, haram, fardu, sunat, harus, makruh, syarat-syarat yang wajib dipenuhi untuk mengesahkan ibadat dan perkara-perkara yang mendatangkan keburukan (Bakr, 1997: 15). Dalam naratif yang hampir sama, Ibn Nujaym mentakrifkan fiqh sebagai ilmu pengetahuan hukum atau syariat dan orang yang mendalami ilmu fiqh disebut sebagai *al-faqih* iaitu pakar fiqh (Ibn Nujaym, 1997: 13).

Dalam sejarah perkembangan hukum Islam, terminologi fiqh telah melalui beberapa fasa evolusi penggunaannya. Pada awal Islam istilah fiqh merujuk kepada kefahaman ajaran Islam secara keseluruhannya atau kefahaman terhadap syariat Islam secara keseluruhannya yang merangkumi hukum aqidah, amali dan akhlak. Apabila disiplin keilmuan Islam itu semakin berkembang dengan munculnya pelbagai ikhtisas ilmu seperti ilmu kalam, tauhid, tasawuf dan seumamannya, istilah fiqh digunakan secara khusus untuk merujuk kepada hukum-hukum amali bagi mukallaf (Mahmood Zuhdi, 1988: 2-6).

Namun demikian, istilah fiqh secara konseptualnya diterima sebagai kefahaman fuqaha terhadap Syariah. Kefahaman ini, oleh kerana ia melibatkan tafsiran intelektual manusia, ia boleh berubah, tetapi Syariah tidak berubah kerana ia adalah wahyu Allah yang kekal, sama ada dalam bentuk al-Quran atau al-Sunnah. Fiqh bersifat dinamik dan *murunah* (fleksibel) namun masih berasaskan kepada prinsip-prinsip asas syarak. Fiqh perlu dikuasai dengan baik oleh para ulama, mufti dan qadi untuk memutuskan sesuatu hukum, manakala masyarakat awam pula perlu memahami fiqh dengan baik untuk menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim sejati.

Terminologi fiqh semasa atau *al-fiqh al-mu`asir* atau *al-fiqh al-waqi`i* merujuk kepada kefahaman hukum Islam dalam konteks semasa khususnya hukum-hakam terhadap isu-isu baharu yang memerlukan ijtihad baharu dan tidak pernah disebut dalam mana-mana

sumber syarak atau ijtihad silam fuqaha. Al-Qaradawi mentakrifkan *fiqh al-waqi'* sebagai memahami realiti dengan sebaiknya dan bukan mengetahuinya dengan sekadar bayangan semata-mata kerana ianya merupakan satu kepalsuan dan penyesatan bagi orang lain (al-Qaradawi, 2008: 228). Justeru, boleh dirumuskan bahawa fiqh semasa merujuk kepada fiqh yang berdasarkan realiti berpaksikan kepada pertimbangan antara masalah dan mudarat, dan ia bukan sesuatu yang berbentuk tanggapan fantasi atau jangkaan (*iftiradi*). Lantaran itu, seorang *faqih* atau sarjana fiqh dalam sesuatu ijtihadnya terhadap sesuatu isu hendaklah memahami dan hidup bersama realiti yang ada dan memfokuskan perbincangan ijtihadnya kepada pertimbangan antara masalah dan mudarat, berpandukan nas-nas syarak lalu meletakkannya bersesuaian dengan realiti yang ada.

Pada masa kini terdapat ramai ulama kontemporari yang menyarankan supaya ijtihad dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa. Antara para sarjana hukum yang mengagaskan idea pembaharuan terhadap ilmu fiqh dan membawa gagasan fiqh semasa adalah Mustafa al-Zarqa', `Abd al-Karim Zaydan, Muhammad al-Ghazali, Sa`id Ramadan al-Buti, Wahbah al-Zuhayli, Yusuf al-Qaradawi dan ramai lagi. Antara mereka, Yusuf al-Qaradawi merupakan yang paling prolific dan banyak menulis karya bernuansakan realiti semasa. Antara gagasan fiqh beliau yang boleh dikategorikan dalam disiplin pemikiran fiqh kontemporari adalah *Fiqh al-Awlawiyyat* (Fiqh Keutamaan), *Fiqh al-Aqalliyyat* (Fiqh Minoriti), *Fiqh al-Muwazanat* (Fiqh Pertimbangan), *Fiqh al-Taysir* (Fiqh Mempermudahkan) dan lain-lain. Gagasan fiqh semasa yang diutarakan oleh beliau boleh ditelaah dalam kebanyakan karyanya yang pelbagai.

3. KEPERLUAN KEPADA FIQH SEMASA

Objektif tertinggi bagi pembinaan fiqh semasa tidak lain tidak bukan ialah bagi memastikan syariat Islam itu terlaksana secara keseluruhannya kerana itu adalah matlamat agama Islam itu sendiri, iaitu melaksanakan ubudiah secara sempurna oleh manusia kepada Allah SWT. Dalam konteks itu, teks-teks dari sumber syariat Islam perlulah dimanifestasikan secara kontekstual mengikut realiti dan perkembangan

kehidupan manusia. Perubahan budaya dan perkembangan teknologi sebagai contohnya mestilah diselaraskan dengan ruh dan asas syariat Islam. Dalam konteks ini, para sarjana Muslim kontemporari menekankan beberapa keperluan asasi sebagai pra syarat bagi kejayaan pelaksanaan syariat Islam. Antaranya ialah (al-Qaradawi, 1990: 273-293):

- a) Keperluan memperbaharui ijtihad bagi menyelesaikan persoalan semasa umat Islam.
- b) Keperluan kembali kepada syariat Islam sepenuhnya dengan, bukan dengan mengambil separuh atau sebahagian dari hukum sahaja.
- c) Kebebasan dari tekanan realiti semasa, dalam ertikata bahawa permasalahan dalam negara dan masyarakat sekarang tidak wajar dijadikan halangan yang kekal bagi pelaksanaan syariat Islam, sebaliknya dianggap sebagai cabaran sementara yang mengukuhkan persediaan ummah ke arah menjadikan syariat Islam sebagai paksi kehidupan umat Islam.

Para sarjana Muslim kontemporari menyatakan bahawa apabila berlakunya perubahan pada adat kebiasaan atau *'urf* manusia, maka sudah tentulah terdapat keperluan perubahan hukum. Lantaran itu seseorang mujtahid disyaratkan supaya memahami adat kebiasaan masyarakat sebelum ijtihad dilakukan. Para mujtahid perlu menelaah, mengkaji, memahami dan seterusnya mengambilkira realiti tempatan dalam pertimbangan ijtihad mereka. Ibnu 'Abidin menyebut bahawa majoriti hukum berbeza dan berubah kerana faktor perubahan masa dan perubahan *'urf* anggota masyarakatnya. Ia turut berubah kerana faktor darurat dan faktor kerosakan masyarakat pada zaman berkenaan (*fasad ahl al-zaman*). Al-Zuhayli juga menekankan bahawa kerosakan akhlak masyarakat sangat perlu diberikan pertimbangan dalam sebahagian besar hukum-hukum syarak yang diputuskan oleh ijtihad sama ada dalam bentuk memberatkan atau meringankan hukum (Ibn `Abidin, tt: 2/123; al-Zuhayli, 2009: 2/854).

Jelasnya, fiqh semasa mempunyai perkaitan signifikan dengan faktor dan nilai masa, keadaan, budaya setempat, unsur-unsur kontemporari seperti kemodenan dan kecanggihan teknologi dan faktor nilai akhlak manusia. Justeru, walaupun sudah banyak ijtihad yang diputuskan oleh ulama silam sebagaimana yang ditemui dalam khazanah perbendaharaan fiqh mereka, hukum-hakam tersebut mungkin hanya relevan pada masa

itu kerana ijtihad mereka mengikut zaman dan tempat mereka, dan besar kemungkinan tidak lagi sesuai atau relevan pada masa sekarang. Kemunculan isu-isu baharu yang tidak pernah berlaku sebelumnya juga mendorong kepada pembinaan fiqh berasaskan realiti semasa.

Lantaran itulah ramai para sarjana kontemporari mencadangkan supaya fiqh semasa diasaskan kepada lokaliti seperti Fiqh Malaysia, Fiqh Indonesia, Fiqh Alam Melayu dan seumpamanya. Ini kerana kebanyakan hukum yang ditemukan dalam karya-karya silam adalah berdasarkan kepada fiqh yang dilatari oleh ijtihad semasa oleh mujtahid di Timur Tengah berteraskan nilai-nilai yang ada pada bangsa Arab.

4. BIDANG FIQH SEMASA

Tahap keperluan masyarakat Islam terhadap ijtihad-ijtihad baharu dalam setiap bidang kehidupan mereka adalah sangat kritikal. Namun realitinya masyarakat Islam zaman ini banyak bergantung kepada fiqh zaman silam yang mudah diperoleh dari karya-karya fuqaha klasik yang tercetak dan tersedia untuk ditelaah di perpustakaan mereka. Bagaimanapun ini tidak dapat menyelesaikan isu-isu semasa yang mereka hadapi. Permasalahan yang melibatkan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi kini yang melibatkan perubahan dalam gaya hidup memerlukan ijtihad baharu oleh para sarjana hukum kontemporari. Dr Yusuf al-Qaradawi ada menekankan dua bidang utama yang perlu diberi penekanan dalam ijtihad semasa iaitu bidang ekonomi kehartan dan sains perubatan (al-Qaradawi, 1994: 6-11). Bagaimanapun, di sana terdapat isu-isu penting dalam bidang ibadah, muamalat, munakahat, jenayah, undang-undang, politik dan pentadbiran negara yang sentiasa dihadapi oleh umat Islam kerana perkembangan sains dan teknologi dan ini memerlukan pendekatan fiqh semasa.

Sebagai contoh, umat Islam zaman silam tidak pernah sampai ke kawasan Artik, Antartika atau negara Scandinavia yang mengalami hari malam dan siang selama enam bulan. Umat Islam kini bukan sahaja telah sampai dan tinggal di sana, malah mereka telah sampai ke angkasa lepas dan tinggal di International Space Station (ISS) bagi

tempoh tertentu. Ini memerlukan ijtihad baharu bagaimana mereka perlu melakukan ibadah solat, puasa dan lain-lain ibadah dalam keadaan waktu siang dan malamnya kadang terlalu singkat, terlalu panjang dan berubah berulang kali dalam masa 24 jam. Transaksi muamalat melalui dunia maya, industri perbankan Islam yang mengikut acuan konvensional, takrifan riba, industri takaful, dagangan bebas dalam dunia ekonomi, tukaran wang asing, jual beli emas dan komoditi, matawang bitcoin, blockchain, bursa saham, kepelbagaian produk dalam perbankan Islam semasa memerlukan ijtihad oleh pakar dan sarjana dalam bidang muamalat.

Isu penentuan kadar mahar perkahwinan, kelayakan umur calon pengantin mengikut kesesuaian masyarakat dan lokaliti, nikah dan cerai melalui aplikasi teknologi komunikasi, nikah di sempadan untuk berpoligami, nikah *misyar*, isu nafkah selepas cerai, harta sepencarian, keperluan mahram bagi wanita bermusafir, sabitan nasab dengan ujian DNA, gender, transgender, transeksualiti, LGBT dan seumpamanya adalah beberapa contoh tipikal tentang keperluan ijtihad semasa berdasarkan realiti. Dalam bidang jenayah, isu seperti penangguhan pelaksanaan hukuman hudud dan qisas, penentuan takzir oleh pemerintah, konflik perundangan jenayah syariah dengan undang-undang jenayah konvensional dalam negara umat Islam sebagai tamsilan, adalah antara isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam yang memerlukan kepada penyelesaian melalui ijtihad semasa.

Dalam bidang politik pentadbiran dan kenegaraan juga umat Islam perlukan kepada tujahan fiqh semasa memandangkan negara umat Islam yang ada dalam realiti sekarang ialah negara-negara kecil yang diperintah secara berasingan dan ia samasekali berbeza dengan model negara Islam dalam fiqh klasik iaitu sebuah empayar Islam yang dinaungi oleh seorang khalifah dan ditadbir oleh pemerintah yang dilantik bagi setiap wilayah. Negara umat Islam kini dibina di atas acuan negara bangsa hasil dari imperialisme Barat yang menjajah dan kemudiannya memberikan kemerdekaan seterusnya melahirkan negara-negara kecil yang ditadbir secara berasingan oleh pemerintah Islam.

Sistem pentadbiran negara umat Islam yang pelbagai seperti monarki, demokrasi, separa demokrasi, pemerintahan tentera dan seumpamanya adalah antara realiti negara umat Islam hari ini yang membentuk pola dan sistem politik negara yang berbeza. Realiti

kemajmukan masyarakat dalam sesebuah negara akibat kemasukan non Muslim ke dalam negara umat Islam oleh Barat, imigrasi, pelarian dan seumpamanya juga menimbulkan pelbagai permasalahan termasuk penentuan status kewarganegaraan sama ada mereka zimmi, muwatin dan seumpamanya. Diaspora umat Islam ke negara bukan Islam juga menimbulkan isu keminoritian yang perlu kepada gagasan fiqh minoriti semasa. Rampasan negara umat Islam Palestin oleh Yahudi Zionis, fenomena Arab Spring, pergolakan di Timur Tengah akibat anarki pemerintah juga mencetuskan keperluan kritikal terhadap fiqh peperangan dan hubungan antarabangsa.

Umat Islam era kini juga berhadapan dengan seribu satu persoalan yang timbul dalam pelbagai bidang sains dan perubatan. Isu seperti pengklonan manusia, bioteknologi dalam pertanian dan penternakan, makanan terubahsuai genetik (GMF), rawatan dan pembedahan kosmetik, rawatan estetik yang membawa kepada perubahan ciptaan Allah, derma organ, rawatan fertiliti, teknologi rawatan penyakit menggunakan *stem cell* dan CRISPR/Cas9, isu produk farmaseutikal berunsur najis seperti insulin dan heparin dan isu-isu seumpamanya adalah antara yang menuntut ijtihad baharu. Percampuran bahan makanan terproses dengan bahan-bahan subproduk dari sumber porcine dan bahan bernajis lain seperti wain dan alkohol juga mewarnai permasalahan dalam industri halal serta isu-isu terkait dengannya juga adalah antara isu yang memerlukan kepada ijtihad semasa oleh para sarjana hukum.

5. KATEGORI DAN BENTUK IJTIHAD DALAM FIQH SEMASA

Fiqh semasa adalah produk ijtihad semasa. Ijtihad mesti dilakukan oleh fuqaha atau ulama yang berkeelayakan. Mujtahid pula ada beberapa tahap seperti mujtahid *mutlak* (seperti Imam Mazhab), mujtahid *muqayyad* atau mujtahid *fī al-madhab* (dalam mazhab), mujtahid murajjih (mujtahid yang mentarjihkan pandangan) mujtahid *mutajjazzi'* (mujtahid yang berijtihad dalam juzu' masalah tertentu) dan mujtahid *futya* (mujtahid fatwa) (al-Zuhayli, 2009: 1134). Meskipun pada zaman kini boleh dikatakan tiada lagi mujtahid mutlak, umat Islam masih mempunyai fuqaha dan ulama yang

berkemampuan dalam mentarjih, memberi fatwa, mengkaji kes-kes dan mengistinbat serta memberi fatwa. Dalam isu-isu yang melibatkan bidang kepakaran lain seperti sains, ekonomi dan perubatan, para sarjana akan mendapatkan pandangan mereka sebelum mempertimbangkannya dengan neraca syarak melalui pelbagai instrumen ijtihad.

Ijtihad Tarjih dan Ijtihad Baru

Kebiasaannya, pada masa kini, ijtihad semasa ini boleh berlaku dalam dua kategori iaitu ijtihad yang berbentuk tarjih (*tarjih intiqā'i*) dan ijtihad baharu (*ibda'i insha'i*) (al-Qaradawi, 1994: 19-20). Ijtihad tarjih merujuk kepada ijtihad yang mentarjihkan pandangan-pandangan fuqaha sedia ada yang terdapat dalam khazanah fiqh Islam. Ini kerana terdapat banyak isu baru yang timbul yang mempunyai persamaan dengan isu-isu lama yang telah dibincangkan oleh para fuqaha dan ada banyak pandangan tentang isu berkenaan. Tugas para fuqaha kini ialah menilai, memilih dan mentarjih pandangan yang paling bersesuaian dengan keadaan dan keperluan semasa.

Manakala ijtihad baharu pula ialah ijtihad pada perkara-perkara dan persoalan baharu yang tidak pernah dibincangkan oleh fuqaha silam. Para ulama semasa akan mengkaji, menyelidik, membahaskan serta mempertimbangkan secara terperinci perkara tersebut dan merumuskan satu pandangan hukum yang baharu berdasarkan kepada realiti semasa. Fatwa-fatwa nasional dan antarabangsa dalam bidang sains dan perubatan sebagai contohnya banyak dihasilkan dalam kategori ini.

Bentuk Ijtihad: Perundangan

Ijtihad semasa dalam dua kategori di atas boleh dilaksanakan dalam beberapa bentuk utama iaitu perundangan, fatwa dan penyelidikan di peringkat pengajian tinggi (al-Qaradawi, 1994: 41-49). menegaskan perundangan semasa dalam negara-negara umat Islam berpotensi mengaplikasikan ijtihad-ijtihad dalam kompendium dan klausa-klausa perlembagaan dan undang-undang mereka. Contoh terawal ijtihad yang dikodifikasi dalam bentuk perundangan moden dalam sejarah umat Islam ialah Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah yang dibangunkan dan diimplementasikan oleh kerajaan `Uthmaniah pada abad ke 19 dalam bidang muamalat (Mahmassani, 1947: 43).

Pengkanunan hukum Islam yang merangkumi ijtihad-ijtihad dan hukum-hakam fiqh dalam negara umat Islam terus berlaku selepas itu seperti yang terangkum dalam undang-undang kekeluargaan Islam, undang-undang kehartaan dan warisan serta undang-undang jenayah. Di Malaysia sendiri dalam undang-undang kekeluargaan Islam banyak hukum ijtihad yang berasaskan mazhab Syafi'i dan sebahagian dari ijtihad mazhab lain dan ijtihad oleh ulama tempatan dimuatkan seperti dalam isu cerai taklik, tempoh dibenarkan fasakh, harta sepencarian dan seumpamanya.

Fatwa

Ijtihad semasa juga banyak diterjemahkan dalam bentuk fatwa semasa (al-Qaradawi, 1994: 44-45). Boleh dikatakan bahawa ijtihad semasa paling banyak berlaku ialah dalam bentuk fatwa. Malah fatwa itu sendiri adalah satu produk utama hukum Islam atau ijtihad semasa. Fatwa dalam konteks hari ini ialah fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh institusi agama yang berautoriti sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

Ada juga fatwa yang dikeluarkan atas kapasiti individu khususnya Mufti yang berautoriti atau mewakili institusinya tatkala fatwa secara kolektif tidak dapat dikeluarkan. Institusi fatwa atau Mufti, apabila diajukan pertanyaan oleh awam atau mana-mana pihak, akan melakukan penyelidikan dan berijtihad berpandukan kepada prinsip-prinsip, proses dan prosedur yang telah ditetapkan dan memutuskan jawapannya dalam bentuk fatwa. Ia boleh jadi diwartakan atau diperundangan atau tidak dan mungkin hanya menjadi irsyad hukum bagi awam. Fatwa ini jika dilanggar akan menyebabkan pelakunya boleh dikenakan tindakan undang-undang jika diwartakan. Jika sekiranya fatwa tidak digazetkan. Yang melanggarnya akan menanggung dosa.

Penyelidikan Ilmiah

Kajian-kajian berbentuk penyelidikan hukum di pusat-pusat pengajian tinggi di peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah, atau projek-projek penyelidikan ilmiah oleh penyelidik juga merupakan ijtihad semasa dalam bentuk juz'i. Antara fungsi pusat pengajian tinggi berorientasikan pengajian Islam ialah menghasilkan penyelidikan-penyelidikan bermutu tinggi termasuk penyelidikan hukum. Terlalu banyak isu baharu yang telah, sedang dan akan dikaji sama ada oleh calon pasca siswazah dan penyelidik di universiti dalam bidang

syariah yang menyentuh pelbagai isu baru dalam bidang dan sub bidang ibadat, muamalat, munakahat, jenayah, siyasah, ekonomi, undang-undang, halal haram dan seumpamanya.

Apabila sesuatu isu baru muncul dan memerlukan jawapan hukum, para pengkaji akan mengambil inisiatif melakukan penyelidikan ilmiah berdasarkan metode-metode kajian yang muktabar. Penemuan dari penyelidikan ini yang dihasilkan sama ada dalam bentuk tesis, disertasi, atau makalah ilmiah, jika ia bersifat hukum, maka ia boleh dianggap sebagai ijtihad semasa yang boleh dirujuk dan diangkat sebagai fatwa oleh pihak berautoriti agama (al-Qaradawi, 1994: 45).

6. PENDEKATAN IJTIHAD DALAM FIQH SEMASA

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, pendekatan ijtihad semasa banyak dilakukan secara kolektif berbanding secara individu. Fatwa oleh agensi fatwa dan kodifikasi undang-undang akan melibatkan usaha jama'i para sarjana hukum. Begitu juga dengan penyelidikan ilmiah akan melibatkan kumpulan-kumpulan kecil yang melakukan ijtihad dalam bidang atau sub bidang sesuatu ilmu. Bagi ijtihad dalam bentuk fatwa, agensi antarabangsa yang berautoriti yang sering dirujuk ialah Majma` al-Fiqh al-Islami di bawah naungan Pertubuhan OIC, Majlis al-Majma` al-Fiqh di bawah Rabitah al-`Alam al-Islami, Majma` al-Buhuth al-Islamiyyah di al-Azhar, Dar al-Ifta' Mesir dan Lajnah al-Fatwa al-Azhar. Fatwa-fatwa dari agensi ini dianggap sangat berautoriti dan menjadi rujukan umat Islam sedunia.

Di negara-negara umat Islam juga terdapat badan-badan fatwa masing-masing yang mengkaji dan memutuskan fatwa bagi kegunaan umat Islam setempat. Di Indonesia, negara yang mempunyai populasi umat Islam teramai di dunia umpamanya mempunyai badan Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang mengeluarkan fatwa khusus bagi umat Islam di sana. Di Malaysia pula terdapat Jabatan Mufti di setiap negeri yang berperanan memutuskan fatwa hasil perbincangan antara Mufti dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Di peringkat nasional pula terdapat Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan yang juga

dikenali sebagai Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang terdiri dari para Mufti, Akademia serta sarjana hukum setempat yang berbincang dan memutuskan fatwa di peringkat kebangsaan.

Di negara-negara yang umat Islam menjadi minoriti juga terdapat badan-badan Islam yang bertanggungjawab mengeluarkan fatwa bagi kemaslahatan umat Islam di sana. Di India sebagai contoh, terdapat Islamic Fiqh Academy, di Eropah terdapat institusi fatwa The European Council for Fatwa and Research, di Amerika Syarikat terdapat Fiqh Council of North America dan seumpamanya di negara-negara minoriti umat Islam. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan di setiap negara mungkin mempunyai perbezaan antara satu sama lain walaupun dalam kes yang sama. Ini kerana setiap ijthidat itu diasaskan kepada realiti persekitaran dan uruf masyarakat setempat.

Bagi pendekatan secara individu, fatwa-fatwa dari ijthidat atau pandangan yang dikeluarkan oleh seseorang tokoh yang berpengaruh tidaklah mengikat umat Islam secara rasmi, tetapi ia boleh dijadikan sandaran dan rujukan jika tiada fatwa rasmi dikeluarkan. Dewasa ini pandangan atau ijthidat individu dari tokoh-tokoh berpengaruh antarabangsa seperti Syeikhul Azhar, Mufti Besar Mesir, Mufti Besar Arab Saudi, Yusuf al-Qaradawi, Said Ramadhan al-Buti, Wahbah al-Zuhayli, Bin Bayyah dan yang setaraf dengan mereka boleh dijadikan rujukan dan banyak diamal oleh umat Islam sedunia. Di dalam negara umat Islam masing-masing juga terdapat tokoh-tokoh agama berpengaruh yang mengeluarkan pandangan hukum dan menjadi rujukan masyarakat Islam setempat. Dari segi autoriti, fatwa jama'i yang rasmi adalah lebih autoritatif berbanding pandangan tokoh secara individu.

7. KAEDAH IJTIHAD DALAM FIQH SEMASA

Fiqh semasa sebagaimana yang telah ditekankan sebelum ini ialah fiqh yang diadaptasi berdasarkan nilai tempatan dan realiti semasa. Ia tidak semestinya menolak segala khazanah lama yang dibekalkan oleh para fuqaha silam. Ada hukum yang telah diputuskan pada zaman silam tetapi masih relevan hingga hari ini terutamanya yang

melibatkan isu-isu asas dan juga apabila terdapat persamaan antara nilai zaman silam dan nilai pada masa kini. Fiqh zaman silam adalah bersifat semasa pada zaman tersebut, dan begitulah fiqh semasa kini haruslah bersifat meraikan realiti yang ada pada masa kini.

Ijtihad yang dilakukan oleh para mujtahid sepanjang zaman adalah bersifat semasa bersesuaian dengan perkembangan persekitaran masyarakat dan budaya mereka. Terdapat banyak perkara yang menjadi asas pertimbangan ijtihad semasa yang boleh dirumuskan sebagaimana berikut (al-Syatibi, 1995: 4/143; Ibn Qayyim: 1993: 1/69; al-Qaradawi, 1994: 25-32):

1. Mengambil kira uruf, budaya, persekitaran, iklim dan keperluan masyarakat dan mengikatnya dengan nilai lokaliti dan masa dalam proses penentuan hukum.
2. Menggunakan instrumen ijtihad secara praktikal berasaskan kepada maqasid syariah supaya objektif asal syariat Islam iaitu mendatangkan masalah kepada manusia dan menolak kemudaratan dari hidup mereka tidak dikesampingkan.
3. Mengambil kira kesan yang bakal berlaku sekiranya sesuatu hukum itu difatwakan kepada masyarakat (*fiqh i`tibar al-ma'alat*). Kesan positif dari hukum ijtihad perlu dinilai bersama kesan negatifnya.
4. Melakukan pertimbangan (*tawazun*) secara terperinci antara masalah antara satu sama lain dari segi keluasan, kedalamannya, pengaruhnya dan kekekalannya. Sarjana fiqh harus melihat yang mana harus didahulukan dan mana yang harus dikemudiankan dan ditinggalkan.
5. Melakukan pertimbangan antara keburukan (*mafsadah*) dengan keburukan yang lain dan yang mana harus didahulukan dan yang mana harus dikemudiankan dan ditinggalkan.
6. Memperincikan pertimbangan antara *masalah* dan *mafsadah* jika keduanya bertentangan. Seorang sarjana fiqh itu perlu mempertimbangkan bilakah seseorang harus mengutamakan penolakan *mafsadah* daripada

mengambil masalah dan bilakah *mafsadah* boleh dilakukan dilakukan demi memperoleh masalah.

7. Mempertimbangkan ijthad-ijthad lama oleh mujtahid terdahulu dalam kes-kes yang hampir sama dan mengambil manfaat darinya.

8. DAWABIT FIQH SEMASA

Fiqh semasa tidak datang dalam bentuk terlalu rigid atau terlalu longgar. Ia mempunyai akar yang menjadi prinsip dan tunjang dan ada sempadan yang tidak boleh direntasi. Antara *dawabit* atau garis panduan yang perlu dipegang dalam kerangka fiqh semasa ialah dengan mengoperasikan ijthad sebagaimana berikut (al-Qaradawi, 1994: 91-100):

- a. Melakukan persediaan ilmu dan kesarjanaan yang lengkap untuk membolehkan ijthad dilakukan dengan baik. Ijthad memerlukan pengembelengan kemampuan intelektual dan syarat-syarat tertentu yang perlu bagi seseorang mujtahid.
- b. Mengelakkan ijthad dalam isu fundamental Islam, iaitu isu yang *qat`i*. Bidang ijthad ialah bidang *zanni* dan ia menghasilkan hukum *zanni*.
- c. Tidak boleh menjadikan yang *qat`i* sebagai *zanni* dan sebaliknya. Persoalan *qat`i* yang telah diijmak oleh ulama silam tidak boleh dianggap *zanni* pada masa kini. Bagaimanapun perkara *zanni* boleh menjadi *qat`i* jika ada penemuan baru yang berasaskan kepada hujah dan ilmu yang meyakinkan.
- d. Perlu penggabungjalinan antara sunnah dan fiqh bagi menjadikan hukum ijthad hidup dan realistik, sebagaimana yang dilakukan oleh Imam al-Syafi`i yang menggabungkan antara madrasah hadis dan madrasah *al-ra`y*.
- e. Tidak menjadikan realiti semasa sebagai keutamaan melebihi prinsip aqidah dan syarak. Nas mesti memimpin situasi, bukan situasi mendominasi hukum. Hukum berubah mengikut realiti tidak bermaksud bahawa agama mengikut realiti, sebaliknya agama meraikan realiti dengan tidak menolak *sunnatullah* pada alam. Perubahan hanya dalam aspek *mutaghayyirat* bukan *usul*.

- f. Meraikan perkara baru yang bermanfaat dengan makna bahawa Islam meraikan inovasi dalam bidang sains dan teknologi yang memberi manfaat kepada kehidupan manusia, memudahkan urusan hidup dan menambah nilai kepada kehidupan berkualiti.
- g. Tidak mengabaikan keperluan semasa dan tuntutan kehidupan manusia yang sentiasa berkembang dan berubah.
- h. Mengutamakan pendekatan ijtihad *jama`i*, kerana pandangan secara kolektif itu lebih kukuh dan lebih hampir dengan kebenaran.
- i. Berlapang dada dengan kemungkinan “kesalahan” mujtahid lain dan kepelbagaian hukum ijtihad kerana ia adalah sifat dan tabiat ijtihad itu sendiri.

Dalam proses pengeluaran hukum yang memerlukan kefahaman terhadap *waqi'*, beberapa *dawabit* telah dikemukakan, antaranya (al-Qaradawi, 2005: 278-281; 2000: 1/33-35; Jum`ah, 2007:2/7):

1. Mengambil pendekatan sederhana (*wasatiyyah*) dalam penelitian hukum kerana sederhana itu adalah kriteria utama umat ini. Hukum perlulah mengambilkira subjek dan manusia. Manusia biasanya berada pada strata masyarakat yang berbeza. Hukum yang difatwakan itu hendaklah disesuaikan dengan semua strata atau lapisan masyarakat, tidak terlalu tertumpu kepada keinginan golongan *takhassus* dan tidak terlalu meraikan kelonggaran yang diingini oleh masyarakat awam.
2. Mengambilkira kedudukan sesuatu isu atau masalah berdasarkan hakikat kewujudannya dan bukan tanggapan yang ia akan berlaku serta agakan-agakan atau asumsi yang tidak berjejak kepada realiti (fiqh *mutawaqqi`* atau fiqh *iftiradi*). Ini kerana tanggapan-tanggapan ini hanya mungkin akan berlaku dan fuqaha tidak sepatutnya membazirkan masa meneliti sesuatu yang tidak dipastikan sama ada akan berlaku atau tidak.
3. Melakukan konsultasi ilmiah terhadap perkara yang berlaku dengan mengambil maklumat dari pakar bidang masing-masing. Maklumat pakar dari ahli perubatan, saintis, jurutera perlulah diambilkira oleh para sarjana hukum dalam melakukan ijtihad semasa. Mujtahid adalah pakar syariah dan mereka tidak arif dalam isu-isu

saintifik. Kombinasi antara kepakaran ini akan menghasilkan ijihad yang realistik dan efektif.

4. Tidak keterlaluan dalam menggunakan kayu ukur maqasid syariah sehingga mengabaikan nas-nas syarak. Ini kerana ada kecenderungan dalam kalangan para sarjana hari ini menggunakan maqasid syariah sehingga kadang kala melebihi nas yang sarih. Contohnya pendekatan golongan feminis liberal yang menolak perkara usul seperti pembahagian hukum faraid yang ada dalam nas atas alasan untuk menjaga “kemaslahatan golongan wanita” yang pada hari ini mempunyai profesion seperti golongan lelaki dan berkongsi menyara keluarga.
5. Mengambil kira realiti kehidupan harian antara satu masyarakat dengan masyarakat lain. Perbezaan penggunaan bahasa, perubahan dan peningkatan gaya hidup manusia, citarasa dan keinginan yang dibentuk oleh persekitaran dan elemen-elemen yang membentuk psikologi dan emosi masyarakat, penguasaan ilmu dalam tradisi intelektual sesebuah komuniti semuanya perlu diambilkira dan diadunkan dalam pembentukan fatwa semasa berasaskan realiti. Sebagai contoh, zakat gaji yang tidak dipernah disebut oleh ulama salaf telah difatwakan sebagai satu kewajipan pada ketika ini di sebahagian negeri umat Islam kerana faktor perubahan tersebut.

9. PERSEDIAAN MUJTAHID

Salah satu cabaran para sarjana atau fuqaha semasa membina gagasan fiqh semasa dan mengambil manfaat darinya dalam ijihad atau fatwa semasa mereka ialah ketidakmampuan untuk mensinergi antara ilmu tentang hukum dan pengetahuan semasa. Kadang kala kita mendapati bahawa seorang alim itu mempunyai ilmu yang luas dalam bidangnya dan menghafal *furu` fiqhiyyah* yang pelbagai tetapi kurang mampu mengaplikasikannya dalam permasalahan semasa. Ini menyebabkan seolah-olah tiada integrasi atau kemampuan mengadunkan antara ilmu yang dipelajarinya dengan realiti semasa. Ini mungkin kerana apa yang ditemuinya dalam kitab-kitab lama adalah berbeza sekali dengan persekitaran semasa.

Sebagai contohnya seorang ulama di alam Melayu yang membaca bab fiqh *at`imah wa asyribah* (makanan dan minuman) akan mendapati perkara halal dan haram yang disenaraikan dalam kitab banyak berbeza dengan realiti di tempatnya. Haiwan-haiwan di Timur Tengah banyak berbeza dengan haiwan di alam Melayu, manakala citarasa masyarakat Arab terhadap sebahagian jenis makanan juga amat berbeza dengan masyarakat Melayu. Jika seseorang mujtahid itu tidak mahir menggunakan ilmunya untuk melakukan sinergi antara ilmu dan realiti, ia akan bermasalah.

Ibnu Qayyim menegaskan bahawa seseorang mufti atau hakim tidak berkeahlian untuk mengeluarkan hukum terhadap sesuatu perkara kecuali setelah memenuhi dua syarat (Ibn Qayyim, 2000: 87):

- i. Memahami *waqi`* dengan baik, iaitu mempunyai kefahaman tentang apa yang sedang berlaku sehingga beliau benar-benar menguasai kefahaman tentangnya.
- ii. Memahami hukum-hukum yang sudah ditetapkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah sehingga mampu untuk mengaplikasikan jawapan hukum kepada permasalahan yang baru timbul.

Dalam konteks syarat-syarat yang perlu dipenuhi seorang mujtahid, para sarjana meletakkan beberapa syarat asas yang disepakati. Syarat-syarat tersebut ialah (al-Qaradawi, 1996: 15-49):

- i. Menguasai ilmu berkaitan al-Quran
- ii. Menguasai ilmu berkaitan al-Sunnah
- iii. Menguasai bahasa Arab
- iv. Mengetahui hukum-hukum ijmak
- v. Menguasai ilmu usul al-fiqh
- vi. Menguasai ilmu *maqasid al-syari`ah*
- vii. Mengenal manusia serta persekitarannya
- viii. Bersifat adil dan taqwa

Syarat yang ketujuh iaitu mengenal manusia dan persekitarannya merupakan syarat yang diperkenalkan oleh beberapa ulama seperti Yusuf al-Qaradawi, Ibrahim Abu Sulayman, dan Qutb Sanu (Qaradawi, 1996: 47-49; Qutb Sanu, 2000: 91; Abu Sulayman: 2006: 32-36) . Ini adalah perlu kerana seorang mujtahid perlu berjihad berasaskan realiti

seseorang individu atau masyarakat. Pentingnya memahami manusia, sosiologi dan psikologi mereka serta persekitarannya dalam ijihad adalah bertujuan memastikan hukum fiqh yang diijthadkan membumi, realistik dan boleh diaplikasi dalam kehidupan umat Islam. Ijihad tanpa ilmu kemasyarakatan akan menghasilkan hukum yang “kontang” dan tidak mampu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh manusia.

10. PROSES IJTIHAD SEMASA

Dalam proses merumuskan hukum fiqh semasa, ijihad perlu melalui beberapa peringkat sebagaimana yang digariskan oleh Syeikh `Ali Jum`ah, bekas Mufti Mesir (`Ali Jum`ah: 2007: 4):

- a. Peringkat menggambarkan persoalan (*marhalah taswir*) iaitu proses memahami latarbelakang isu yang perlu diperbahaskan. Ia akan melihat kepada empat elemen iaitu masa, tempat, individu dan keadaan.
- b. Peringkat adaptasi (*marhalah takyif*) iaitu proses bagaimana permasalahan baru itu disesuaikan dengan teori-teori fiqh sedia ada dan sumber-sumber nas yang berkaitan.
- c. Peringkat merumuskan hukum (*marhalah bayan al-hukm*) iaitu proses yang melibatkan penelitian terhadap dalil dan *istidlal*. Ia juga menentukan sumber, instrumen dan kaedah yang akan digunakan seperti *qiyas*, *maslahah*, *istihsan* dan sebagainya.
- d. Peringkat fatwa (*marhalah al-ifta`*) iaitu proses terakhir yang melibatkan penyesuaian antara prinsip syariah dengan situasi semasa. Apabila semua ini diambilkira, fatwa akan dikeluarkan dengan sughah yang sesuai.

11. SUMBER HUKUM FIQH SEMASA

Fiqh semasa bukanlah fiqh baharu yang terasing dari syariat Islam. Ia adalah hukum-hakam semasa yang diijthadkan dari sumbernya. Ia sebahagian dari syariat Islam yang

dijelmakan dalam bentuk realistik berdasarkan *nawazil* atau kes-kes baharu dalam masyarakat. Fiqh silam atau fiqh semasa sumbernya adalah sama Cuma pendekatannya berbeza berdasarkan perbezaan keadaan, situasi dan kondisi zaman dan tempat. Sumber hukum di dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu sumber hukum yang disepakati dan sumber hukum yang tidak disepakati.

Terdapat empat sumber hukum yang disepakati di dalam Islam iaitu al-Quran, hadis, ijma' dan qiyas. Manakala sumber hukum yang tidak disepakati terdiri dari pelbagai, termasuklah *masalih mursalah*, '*urf, istihsan, istishab, qawl sahabi, syar' man qablana* dan *sadd al-dhari`ah*. Penggunaan sumber-sumber asas adalah sesuatu yang dasar dalam fiqh semasa. Manakala sumber-sumber sampingan boleh digunakan berdasarkan situasi dan keperluan realiti. Sumber-sumber utama dan sampingan ini saling berkait antara satu dengan lain dan boleh digunakan secara bersama dalam proses *istidlal*.

Apapun, setiap hukum yang hendak diputuskan mestilah dilandaskan kepada sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun terdapat hukum baru yang belum diputuskan oleh ulama terdahulu, para mujtahid tetap berijtihad dan menjadikan nas-nas syarak sebagai panduan. Fiqh semasa yang dibawa oleh ulama kontemporari penting dalam mendepani arus globalisasi yang semakin mencabar dan dalam masa yang sama sentiasa berpaksikan kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam ijtihad semasa, maklumat berkaitan isu-isu yang dikaji juga adalah penting. Justeru, setiap isu yang perlu diijtihad memerlukan kepada maklumat dan ilmu yang lengkap dalam bidang berkenaan. Sebagai contoh, hukum vaksin dalam imunisasi penyakit memerlukan maklumat yang lengkap tentang bahan, kaedah penyediaan, pemprosesan, kaedah dan kesannya. Kebiasaannya maklumat ini akan diminta oleh mujtahid sebelum beliau menggunakan kepakaran syariahnya untuk mempertimbangkan hukum. Dalam ijtihad *jama'i* pula, pakar bidang vaksin akan diminta membentangkan kajiannya sebelum dinilai oleh para mufti dan ahli jawatankuasa hukum yang bersidang. Mereka akan memepertimbangkannya menurut neraca syariah, menilai keperluan masyarakat berdasarkan penjagaan masalah mereka dan seterusnya merumuskan satu hukum yang realistik dan praktikal.

12. APLIKASI FIQH SEMASA

Perkembangan semasa umat Islam sejagat telah menuntut supaya ijihad baru dilaksanakan bagi mencari jawapan hukum terhadap persoalan-persoalan moden yang mereka hadapi. Terdapat sejumlah besar ijihad baru dalam bentuk fatwa yang dikeluarkan oleh pelbagai institusi fatwa sama ada di peringkat antarabangsa atau di negara umat Islam masing-masing. Berikut adalah beberapa contoh fatwa yang dikeluarkan oleh beberapa badan antarabangsa fatwa:

a. Fatwa Majma al-Fiqh al-Islami al-Duwali

Majma al-Fiqh al-Islami al-Duwali di bawah pertubuhan Organization of Islamic Cooperation telah mula mengeluarkan resolusi atau fatwa sejak awal penubuhannya bagi menyelesaikan isu-isu sejagat yang dihadapi oleh umat Islam. Sebagai contoh, pada 1988 satu resolusi tentang isu perancangan keluarga telah dikeluarkan (OIC, 2000: 85) menyatakan bahawa:

- a. Tidak dibenarkan membuat apa undang-undang yang menghadkan kebebasan pasangan berkahwin mendapatkan anak.
- b. Diharamkan melakukan apa-apa kaedah pemandulan terhadap pasangan suami isteri, melainkan atas sebab-sebab daruri yang diharuskan syarak.
- c. Diharuskan menanggukkan atau merancang kehamilan untuk sementara waktu bagi menjarakkan kelahiran atas keperluan-keperluan tertentu yang diharuskan oleh syarak. Ia perlu dilakukan berdasarkan budi bicara pasangan dan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak setelah perbincangan dilakukan, dengan syarat tidak menyebabkan prejudis, kaedah yang digunakan adalah dibenarkan di sisi undang-undang dan tidak merisikokan kehamilan berikutnya.

Pada tahun 1997, Majma` Fiqh juga telah memutuskan fatwa tentang isu pengklonan manusia (OIC: 2000: 211-212) dengan mengharamkan pengklonan manusia yang dilakukan dengan apa-apa kaedah saintifik bagi mewujudkan duplikasi spesis manusia. Pengklonan untuk microbiologi, botanik dan zoologi yang menggunakan kejuruteraan

genetik bagaimanapun dibenarkan dalam ruang-ruang yang dibenarkan syarak bagi menjaga masalah dan menolak *mafsadah*.

b. Fatwa European Council for Fatwa and Research

Badan Fatwa di Eropah yang terkemuka iaitu European Council for Fatwa and Research banyak memutuskan fatwa berdasarkan status umat Islam di Eropah yang merupakan minoriti. Sebagai contoh, dalam isu istihalah, plasma darah yang dicampur dalam makanan seperti penkek, sup, sosej dan pastri, atau yang dicampur dengan susu bagi pembuatan sesetengah produk makanan kanak-kanak atau dalam produk ubat-ubatan dan lain-lain, plasma ini difatwakan sebagai bukan merupakan darah kerana tidak membawa sifat darah termasuk warnanya, dan seterusnya diputuskan sebagai harus (ECFR Fatwa 2018: 3-23).

Bagi bahan yang mengandungi nombor E yang dicampur dalam makanan atau minuman walaupun ia berpunca dari binatang dan alkohol, ia dianggap telah mengalami proses istihalah secara kimia dan hukumnya harus serta dimaafkan (ECFR Fatwa 2018: 40 20/2)

c. Fatwa Malaysia

Malaysia boleh dikatakan antara negara yang sangat terkehadapan dalam penetapan hukum dan pengeluaran fatwa berasaskan kepada kepada realiti semasa. Jika ditinjau kepada fatwa-fatwa di negeri-negeri atau pandangan hukum yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MKI) di bawah Jakim, boleh dikatakan semua isu semasa yang berlegar dalam masyarakat Islam telah diberikan jawapan hukum. Ijtihad dilakukan secara kolektif oleh para mufti, sarjana hukum, akademia dan mereka yang terlibat secara khusus dalam bidang yang dibicarakan. Ia bukan ijtihad peribadi, tetapi ijtihad jama`i.

Berikut adalah sebahagian kecil dari ratusan hukum Islam semasa dalam beberapa isu terpilih yang diputuskan melalui ijtihad *jama`i* para ulama Malaysia berdasarkan realiti dan keperluan semasa:

i. Ijtihad Dalam Isu Ibadah: Kaedah Beribadat di International Space Station (ISS).

Fatwa ini diputuskan sebelum angkasawan pertama Malaysia Datuk Syeikh Muszaphar Syukor berlepas ke ISS kerana sebagai seorang Muslim, beliau wajib menunaikan solat semasa berada di sana. Kes ini tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana kitab fiqh silam kerana ia merupakan permasalahan baru yang berlaku pada era milenium ini. Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMK MKI) pada 2006 memutuskan seperti berikut (Jakim, 2015):

- a. Penggunaan tisu yang telah disediakan di International Space Station (ISS) sebagai alat beristinja' adalah harus.
- b. Harus bertayammum dengan apa sahaja yang berasal dari bumi (contohnya ISS) sebagai kaedah mengangkat hadas.
- c. Solat ditunaikan sebanyak lima kali untuk tempoh 24 jam (hari di bumi) dan boleh ditunaikan secara jamak dan qasar dan tidak perlu diqada.
- d. Waktu solat dan puasa di ISS adalah mengikut waktu tempat pelepasan.
- e. Penentuan arah qiblat hendaklah dengan cara menghadap kaabah dan sekiranya sukar, bolehlah menghadap ke mana-mana arah.

Pandangan hukum oleh JMK MKI ini menjadi penanda aras baru bagi hukum solat di angkasa lepas bagi angkasawan Muslim. Walaupun telah ada beberapa angkawasan Muslim dari beberapa negara lain telah ke ISS, tiada fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh negara yang mereka wakili. Hanya Malaysia yang melakukan inisiatif ini dan ia diberi pujian oleh negara-negara OIC.

ii. Ijtihad Dalam Isu Zakat: Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional

Zakat pendapatan atau zakat gaji dan pendapatan profesional tidak pernah disebut dalam mana-mana sumber nas atau kitab-kitab fiqh silam. Ia tidak termasuk dalam sumber kekayaan yang diwajibkan zakat. Bagaimanapun dengan perkembangan semasa di mana ramai umat Islam yang melalui profesionnya mendapat gaji bulanan, ia menjadi isu yang diperdebatkan sama ada sesuai dijadikan sumber zakat atau tidak. Idea zakat gaji ini dilontarkan oleh Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah*. Pada awalnya, cadangan mewajibkan zakat pendapatan ditolak oleh ramai fuqaha kerana tiada

sandaran yang jelas dalam nas dan cuma diperkuatkan dengan kaedah *qiyas*. Namun demikian, idea beliau ini semakin lama semakin diterima kerana ia membawa kemaslahatan kepada pihak asnaf. Kini, kebanyakan fatwa di negeri-negeri di Malaysia dan pandangan hukum JMK MKI mewajibkan zakat gaji berasaskan kepada *qiyas* kepada zakat pertanian dan wang simpanan.

Walaupun ia diqiaskan kepada zakat pertanian dari aspek kewajipan mengeluarkan zakat setiap kali mendapat gaji, kadarnya pula ditetapkan pada kadar 2.5% bersamaan dengan zakat wang simpanan atau emas. Ia adalah satu ijtihad baru yang tiada dalam mana-mana kitab fiqh. Pandangan ini dikeluarkan beberapa kali oleh JMK MKI iaitu pada 1992, 1997 dan 2003 (Jakim, 2015) dan ia diterima pakai oleh kebanyakan negeri di Malaysia.

iii. Ijtihad dalam Isu Halal: Ijtihad Semasa Tentang Alkohol dalam Pelbagai Produk

Isu penggunaan alkohol dalam beberapa produk seperti makanan, minuman dan beberapa produk lain turut menjadi perbincangan para sarjana hukum kerana ia dikaitkan dengan arak. Dalam Islam, pengharaman arak adalah sangat jelas dan ia termasuk dalam perkara usul yang *qat`i*. Arak mengandungi alkohol yang menyebabkan kemabukan yang menjadi *`illah* bagi pengharamannya. Bagaimanapun, dalam industri halal hari ini, terdapat alkohol (ethanol) yang terhasil dalam proses penghasilan makanan dan minuman atau alkohol yang bukan terhasil dari pembuatan arak tetapi dicampur dalam proses penghasilan minuman dan ini menjadi satu persoalan yang besar dalam kalangan pengusaha industri. Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan beberapa pandangan hukum yang penting berhubung isu ini. Dalam kes perbezaan antara arak dan alkohol, Muzakarah JMK MKI (Jakim, 2015) pada 1984 memutuskan bahawa:

1. Setiap minuman arak mengandungi alkohol. Bukan semua alkohol itu mengandungi arak. Alkohol dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum.
2. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.

3. Minuman ringan yang dibuat bukan dijadikan arak atau bahan yang mabuk dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal.
4. Tapai halal dimakan.
5. Alkohol yang terjadi sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.
6. Ubat-ubatan dan pewangi yang ada kandungan alkohol adalah harus dan dimaafkan.

Dalam konteks alkohol yang digunakan sebagai penstabil dalam minuman ringan pula, JMK MKI pada 1988 (Jakim 2015) merumuskan bahawa kordial yang mengandungi bahan citarasa (*flavour*) yang dimasukkan alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan untuk tujuan minuman sekiranya:

1. Alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak.
2. Bahawa kuantiti alkohol dalam citarasa (*flavour*) itu adalah sedikit iaitu tidak memabukkan.

Pada 2011, JMK MKI (Jakim 2015) telah merumuskan satu pandangan hukum yang lebih komprehensif dan terperinci dengan menggabungkan pandangan sebelumnya dan memperjelaskan kadar alkohol yang dibenarkan dalam minuman ringan dan sebagai penstabil:

1. Setiap minuman arak adalah mengandungi alkohol. Walau bagaimanapun, bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis.
2. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh.
3. Minuman ringan yang diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.
4. Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, sama ada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.

5. Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.
6. Makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.
7. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.

Pandangan hukum yang dikeluarkan dalam isu alkohol ini jelas menunjukkan bahawa para ulama sentiasa merujuk kepada pandangan pakar dalam bidang mereka yang telah menjalankan penyelidikan secara menyeluruh dan terperinci. Ijtihad mereka berdasarkan kepada asas yang kukuh dan bersesuaian dengan penemuan terkini dalam penyelidikan di bidang berkenaan.

iv. Ijtihad Dalam Isu Perubatan: Pengklonan Terapeutik Dan Penyelidikan Sel Stem

Bidang perubatan adalah salah satu bidang yang sangat pesat perkembangannya dan seringkali membangkitkan persoalan hukum. Penemuan-penemuan terbaru tentang kaedah rawatan penyakit dan perkembangan teknologi perubatan memerlukan jawapan hukum yang bersifat semasa. Antara isu yang menjadi perhatian dan dibincangkan dalam JMK MKI ialah isu pengklonan bagi tujuan terapeutik dan juga penyelidikan sel stem bagi tujuan rawatan penyakit. Pandangan hukum oleh JMK MKI memperincikan isu ini sebagaimana berikut (Jakim, 2015):

1. Pengklonan Terapeutik untuk tujuan rawatan perubatan seperti mencipta sel-sel tertentu atau menggantikan organ yang telah rosak dengan mengambil kira langkah-langkah sempadan yang dibenarkan oleh syarak adalah diharuskan.

2. Harus menggunakan embrio yang disimpan beku atau lebih embrio dari proses persenyawaan di luar rahim (IVF) untuk tujuan penyelidikan dengan syarat mendapat persetujuan pasangan suami isteri yang menerima rawatan dan kajian tersebut dilakukan sebelum mencapai tahap 'alaqah (blastocyst).
3. Penyelidikan ke atas pra-embrio selain dari untuk tujuan terapeutik hendaklah mendapat kebenaran daripada pasangan suami isteri dan pra-embrio hasil penyelidikan ini, tidak boleh sama sekali ditanam dalam rahim isteri atau mana-mana wanita yang lain;
4. Harus melakukan penyelidikan ke atas pra-embrio untuk mengetahui penyakit genetik bagi pasangan yang berisiko tinggi dan hanya embrio yang dikenalpasti bebas dari penyakit sahaja boleh ditanam dalam rahim ibunya dalam tempoh perkahwinan yang sah. Sebarang penyelidikan yang berunsurkan komersial atau yang tiada kaitan dengan kesihatan ibu atau janin adalah tidak dibenarkan;
5. Rawatan kejuruteraan genetik ke atas pra-embrio yang melibatkan pengubahsuaian sifat semulajadi seperti rambut, warna rambut, kebijaksanaan, ketinggian dan sebagainya termasuk memilih jantina adalah haram. Bagaimanapun pemilihan jantina diharuskan sekiranya faktor jantina menatijahkan suatu penyakit genetik yang serius yang boleh membawa kematian;
6. Penyelidikan hendaklah dijalankan secara sah dan proposal penyelidikan mestilah jelas, saintifik dan dikendalikan oleh penyelidik yang benar-benar mempunyai kemahiran, amanah dan bertanggungjawab; dan
7. Sel stem daripada sumber-sumber berikut adalah harus digunakan untuk tujuan rawatan perubatan dan kaji selidik:
 - a. Daripada seorang dewasa (sel stem dewasa) dengan izin dan prosedurnya tidak mengakibatkan mudharat;
 - b. Daripada seorang kanak-kanak dengan keizinan ibu bapanya dan prosedurnya tidak mengakibatkan mudharat;
 - c. Daripada uri dan darah tali pusat bayi dengan keizinan ibu bapanya;
 - d. Daripada janin yang gugur secara spontan atau keguguran akibat daripada rawatan perubatan yang dibenarkan syarak dengan syarat mendapat

- keizinan ibu bapanya, bukan janin yang digugurkan secara sengaja atau digugurkan tanpa sebab-sebab perubatan yang dibenarkan oleh syarak; dan
- e. Daripada lebihan embrio (*excess embryos*) yang disimpan beku daripada teknologi bantuan kesuburan IVF dengan syarat mendapat keizinan daripada ibu bapanya. Sel stem daripada embrio yang dihasilkan secara sengaja (*created embryo*) dengan teknologi Somatic Cell Nuclear Transfer (SCNT) adalah tidak dibenarkan berdasarkan kaedah sad al-zaraie' (menutup pintu keburukan).

Seperti mana ijihad-ijihad semasa yang lain, pandangan hukum oleh JMK MKI ini bersandarkan kepada maklumat terkini dari pakar bidangnya iaitu ahli perubatan yang telah menjalankan kajian terperinci tentang isu ini. Pandangan hukum mereka berpaksikan prinsip hukum Islam yang berasaskan nas dan kaedah-kaedah lain dengan mengambilkira maqasid syariah yang antara lain bertujuan menjaga nyawa dan keturunan manusia.

13. RUMUSAN DAN PENUTUP

Konsep fiqh semasa pada sisi umumnya adalah bertujuan untuk menyesuaikan hukum Islam dalam domain *mutaghayyirat* iaitu komponen *furu`* yang boleh berubah dengan persekitaran dan uruf sesebuah masyarakat Islam. Sedia dimaklumi bahawa elemen-elemen penting seperti masa, zaman, perubahan teknologi, persekitaran, iklim, sosial, budaya, pemikiran dan citarasa sesebuah masyarakat menjadi faktor pemboleh ubah hukum fiqh. Zaman dan persekitaran berbeza memerlukan implikasi berbeza terhadap hukum. Perubahan hukum berdasarkan faktor pemboleh ubah inilah yang dirumuskan dalam gagasan fiqh semasa.

Dari perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa aplikasi fiqh semasa dalam kehidupan umat Islam membolehkan mereka sentiasa mengadaptasi syariat Islam dalam dunia kontemporari yang penuh mencabar ini. Fiqh semasa adalah sebuah gagasan

fleksibel syariat Islam yang mengoperasikan ijtihad berdasarkan realiti persekitaran dan keperluan masyarakat setempat. Ia membuktikan bahawa syariat Islam berupaya menjawab segala isu dan permasalahan umat pada setiap zaman dan tempat sekaligus memberi isyarat bahawa syariat Islam itu sesuai untuk diamalkan sepanjang zaman.

RUJUKAN

Abu Sulayman, Ibrahim. 2006. *Manhaj al-Bahtih fi al-Fiqh al-Islami*. Makkah: Maktabah al-Rushd.

Al-Baydawi., Nasir al-Din. 1969. *Minhaj al-wusul fi ma`rifat `ilm al-usul*. Kaherah: Maktabah wa-Matba`ah Muhammad `Ali Sabih wa-Awladihi,.

European Council for Fatwa and Research. 2018. *Fatwa and Resolutions*. London: ECFR

Al-Hajawi, Muhammad ibn al-Hassan. 1995. *al-Fikr al-Sami fi Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Ibn Abidin. tt. *Majmu'ah Rasail Ibnu 'Abidin*. Beirut: Dar Ahya al-Turath al-Arabi.

Ibn Nujaym al-Hanafi, Zayn al-Din ibn Ibrahim ibn Muhammad al-Misri. 1997. *al-Bahr al-ra'iq sharh kanz al-daqa'iq fi furu` al-Hanafiyah li-`Abd Allah ibn Ahmad ibn Mahmud al-ma`ruf bi-Hafiz al-Din al-Nasafi*. Bayrut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyah.

Isma`il, Muhammad Bakr. 1997. *al-Fiqh al-Wadih min al-Kitab wa-al-Sunnah `ala al-madhahib al-arba`ah*. al-Qahirah : Dar al-Manar.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Al-Jauziyah, Ibnu Qayyim.1993. *I'lam al-Muwaqi'in*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah

Mahmassani, Subhi Rajab.1947, *Falsafat al-Tashri` al-Islami*. Beirut: Maktabah al-Kashaf.

Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid. 1988. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: UM Press.

Al-Nadwi, 'Ali Ahmad. 1998. *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar Al-Qalam.

OIC. 2000. Resolutions and Recommendations of The Council of Islamic Fiqh Academy 1985-2000. Jeddah: OIC

- Al-Qaradawi, Yusuf. 2000. *Fatawa Mu`asirah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2002. *al-Ijtihad al-Mu`asir Bayn al-Indibat wa al-Infirat*. Qahirah: Dar al-Tawzi` wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2005. *Madkhal dli Dirasat al-Syari`ah al-Islamiyyah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2008. *Al-Sunnah Masdaran lil-Ma'rifah wa al-Hadarah*. Qahirah: Dar Al-Shuruq.
- Sanu, Mustafa Qutub. 2000. *Adawat al-Nazar al-Ijtihadi al-Manshud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Yusri Mohamad. 2016. *Contemporary Ijtihad: An Analysis of Individual and Collective Approach*. Selangor: Islamic and Strategic Studies Institue.
- Zarqa, Mustafa Ahmad. 1967. *Al-Madkhal Al Fiqhi Al-'Am*. Dar Al Fikr.
- Zuhaily, Wahbah. 2000. *Taghayyur Al-Ijtihad*. Syria: Dar Al-Maktabi.
- Zuhayli, Wahbah. 2009. *Usul al-fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar Al Fikr.